

TPM arah JKR baiki paip bocor di HP

BM - 24/6/07

KUANTAN: Datuk Seri Najib Razak mengarahkan Jabatan Kerja Raya (JKR) memperbaiki segera kebocoran paip air di Hospital Pekan (HP) yang berharga RM90 juta dan kurang dua bulan dibuka kepada orang ramai.

Timbalan Perdana Menteri berkata, langkah bersesuaian perlu dilakukan segera kerana beliau diberitahu kerosakan di hospital itu agak serius.

“JKR perlu mengambil langkah bersesuaian sebelum melakukan kerja memperbaiki kerosakan itu yang saya diberitahu Menteri Kesihatan (Datuk Seri Dr Chua Soi

Lek) agak serius.

“Kemudian baru kita lihat kepada kontrak, sama ada ia dalam tempoh liabiliti kontraktor,” katanya selepas Majlis Pelancaran Kempen Intervensi Awal Mencegah Kecacatan Kanak-Kanak, di Dewan Konvensyen Jubli Perak, di sini, semalam.

Beliau mengulas laporan akhbar kelmarin berhubung kebocoran paip air di HP berharga RM90 juta hingga menyebabkan beberapa bahagian termasuk wad lelaki dimasuki air, selain siling di bilik pengimejan (x-ray) runtuh yang menimbulkan kemarahan Dr Chua.

Sementara itu, Najib berkata, Ka-

binet belum membuat keputusan bagi mengurangkan jumlah cuti umum tambahan pada peringkat Pusat atau negeri bagi meningkatkan produktiviti serta memperbaiki sistem penyampaian.

“(Mengenai cuti umum tambahan) belum ada apa-apa keputusan dibuat jemaah menteri. Jika dibawa nanti kita bincang,” katanya.

Beliau mengulas kenyataan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Maximus Ongkili dilaporkan berkata, walaupun ada banyak cuti umum, beberapa pihak termasuk beberapa kerajaan negeri masih mahukan lebih banyak cuti umum.